Kata Seru, Kata Perintah

Latihan 1

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang betul.

1 "_____ tunggu sebentar, akan saya panggil apabila tiba giliran encik nanti," kata kerani pejabat itu.
A Sila
B Usah
C Tolong
D Jangan

2 _____, Pak Ngah sudah sampai! Jemputlah masuk.
A Eh
B Oh
C Hai
D Aduhai

Soalan 3 *berdasarkan gambar di bawah.*

3 _____, rajinnya Kim Seng membantu ibu dan bapanya di kebun sayur!
A Eh
B Cis
C Hai
D Wah

4 "_____ makan kuih-muih ini, _____ malu-malu," kata ibu kepada tetamunya.
A Sila ... harap
B Tolong ... sila
C Minta ... jangan
D Jemput ... usah

5 _____ adik-adikku sayang, usahlah kalian membuang masa!
A Hai
B Wahai
C Amboi
D Aduhai

6 _____ perhatian semua. Pertandingan bercerita akan dimulakan sebentar lagi.
A Tolong
B Harap
C Minta
D Sila

Pilih ayat yang betul.

7 A Tahniah, kamu telah berjaya!
B Wah, Keong Chai rupanya yang datang!
C Cis, pedasnya masakan rendang ayam ibu!
D Aduh, manisnya pengat labu yang kakak buat ini!

8 A Jemput beratur untuk mendapatkan angka giliran kamu.
B Usah buang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan.
C Harap tutup suis komputer sebelum meninggalkan makmal komputer.
D Minta keringkan bulu tangkis yang basah sebelum disimpan ke dalam tabungnya.

9 I Jemput laporkan kejadian itu kepada pihak polis.
II Janganlah makan sewaktu kita menonton televisyen.
III Tolong baringkan murid yang pengsan ini di atas pengusung.
IV Usah kemaskan bilik masing-masing kerana bilik ini akan digunakan oleh orang lain.
A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

Cikgu Harina

LIVEWORKSHEETS